

---

Kebakaran: Pengarah JPS nyaris terperangkap

KOTA BHARU 28 Nov. - Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan nyaris terperangkap dalam kebakaran kecil yang berlaku di kompleks jabatan itu di sini hari ini.

Kejadian berlaku pukul 1.30 petang ketika Abu Bakar Yusof baru selesai menunaikan solat zuhur, sebelum dia dikejutkan dengan kepulan asap melalui pintu bilik pejabatnya yang terletak di tingkat satu bangunan berkenaan.

“Saya terus keluar menerusi pintu kedua yang menghubungkan laluan turun ke bawah untuk me-

eriksa apa yang berlaku.

“Saya bernasib baik kerana tidak panik dan keluar melalui pintu kedua, jika tidak pasti terperangkap kerana terhidu asap tebal yang memenuhi bilik pejabat,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Menurut Abu Bakar, ketika kejadian, keadaan di tingkat tersebut lengang dan sunyi berikutan kebanyakan pegawai dan kakitangan jabatan itu sedang bercuti.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu, Timbalan Penguasa Bomba Wan Hassan Idris berkata, kebakaran dikesan ber-

punca daripada sebuah kusyen di ruang tamu pejabat berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya terpaksa menggunakan alat khas untuk mengeluarkan asap kesan kebakaran kusyen itu.

Pihak beliau dimaklumkan mengenai kejadian itu pada pukul 1.45 petang sebelum tiba di tempat kejadian kira-kira lima minit kemudian.

Seramai 11 anggota termasuk dua pegawai dikejarkan ke tempat kejadian bersama tiga jentera, katanya sambil memberitahu jumlah kerugian masih disiasat.